

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/09/2007

Dr. Mahathir semakin pulih

UM - 28/9/2007

KUALA LUMPUR 27 Sept. - Kesihatan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan perkembangan positif, lima hari selepas menjalani pembedahan membersihkan luka di Institut Jantung Negara (IJN) di sini.

Bercakap kepada *Bernama* di IJN, anaknya Datuk Mokhzani Mahathir berkata: "Hari ini, ayah saya sudah boleh duduk dan menjamah makanan lembut."

Bagaimanapun, katanya, hanya saudara mara terdekat sahaja dibenarkan melawat ayahnya supaya mengurangkan risiko jangkitan.

IJN dalam kenyataan berkata, Dr. Mahathir, yang masih menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU), kini sudah bernafas sendiri sejak 2 petang semalam dan doktor kini memberi tumpuan kepada rawatan pemulihan selepas pembedahan.

Ini termasuk sesi fisioterapi bagi mengoptimum fungsi pernafasannya serta eksesais tangan dan kaki bagi meningkatkan kekuatan otot beliau.

Dr. Mahathir, 81, pada malam Sabtu lepas menjalani pembedahan membersihkan luka selama tiga jam, yang dijalankan oleh pasukan pakar bedah yang sama melakukan pembedahan pintasan jantung yang keduanya pada 4 September.

- *Bernama*